



## Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: [www.akademiarbaru.com/arsbs.html](http://www.akademiarbaru.com/arsbs.html)

ISSN: 2462-1951



# Wali Allah, antara fakta dan mitos: Satu kajian menurut Syeikh Abd. Al-Qadir al-Mandili (Saint of Allah, fact or myth: A study according to Syeikh Abd. al-Qadir al-Mandili)

Open Access

Hazman Hassan<sup>1,\*</sup>, Muhammad Ihsan Idris<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received 30 May 2017

Received in revised form 30 June 2017

Accepted 4 July 2017

Available online 25 July 2017

### ABSTRACT

Kewalian secara asasnya merujuk kepada setiap orang yang beriman dan bertaqwa. Wali Allah lazim dikaitkan dengan karamah tertentu sebagai satu bentuk kemuliaan daripada Allah. Namun begitu, kejahilan sebahagian umat Islam berhubung perkara ini telah membuka ruang syirik apabila mereka meletakkan para wali setara dengan Allah. Para wali dianggap mempunyai kemampuan luar biasa dan diberi mandat menguruskan alam sebagaimana yang merekakehendaki sama ada ketika mereka hidup atau telah meninggal dunia. Kebejatan akidah yang berlaku membuatkan Syeikh 'Abd. al-Qadir al-Mandili terpanggil untuk meluruskan fahaman yang sekian lama mendarah daging dalam kalangan sebahagian umat Islam. Ulama pondok berketurunan Mandailing ini dilahirkan pada tahun 1910 di Tapanuli Selatan, Sumatera Utara. Beliau mendapat pendidikan agama di Kedah pada tahun 1924 dan pada tahun 1936, al-Mandili melanjutkan pengajiannya di Mekah. Seterusnya, beliau diberi kepercayaan menjadi guru di Masjid al-Haram hingga akhir hayatnya pada tahun 1965. Ulama prolifik ini telah menghasilkan sejumlah 24 karya dalam pelbagai disiplin seperti akidah, fiqh, hadis, politik, pendidikan, perundangan dan akhlak. Menerusi tiga karyanya iaitu Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf, Penawar Bagi Hati dan Anak Kunci Syurga, makalah ini menganalisis konsep wali menurut akidah al-Mandili. Al-Mandili menegaskan kewalian Allah hanya diperoleh dengan iman dan taqwa iaitu gabungan mahabbah (kecintaan) dan ittiba' (mengikut syariat). Beliau turut menafikan dakwaan sebahagian sufi yang menganggap maqam walayah lebih besar dari nubuwah.

*In general, sainthood refers to every pious muslim who believes in Allah. Awliya' (saint of) Allah frequently associated with certain karamah (miracles perform by awliya' with the blessing of Allah) as a form of nobility given from Allah. However, ignorance most of the muslims in this matter have plunged them to polytheism as they placed the awliya' on par with God. The awliya' are considered to have exceptional ability and given mandate to deal with nature as they desire, either when they are living or dead. This misleading has attracted Syeikh Abd. al-Qadir al-Mandili to purify the Malay's creed regarding awliya' and their position in Islam. Born in 1910 in Tapanuli Selatan (South Tapanuli), Sumatera Utara (Northern Sumatera), al-Mandili received his basic education in Islamic studies in Kedah by the year of 1924. In 1936, he furthered his study in Mecca until he was honoured with a teaching position in the al-Haram Grand Mosque of Mecca. This prolific*

\* Corresponding author.

E-mail address: [hazman@uum.edu.my](mailto:hazman@uum.edu.my) (Hazman Hassan)

---

*author had written 24 books in various discipline of Islamic studies such as Islamic creed, jurisprudence, hadeeth, politics, education, law and morals. Through three of his works which are Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf (A Shield For Those Who Are Commissioned Or Faith Knot According To The Salaf), Penawar Bagi Hati (A Cure To Heart) and Anak Kunci Syurga (Key To Heaven), this article analyses the concept of awliya' according to the creed of al-Mandili. As a result, al-Mandili emphasizes that sainthood can only be achieved by faith and piety which combined mahabbah (love) and ittiba' (to follow the Islamic rules). He also denied allegations by some Sufis that the position of sainthood is higher than prophethood.*

**Keywords:**

Kewalian, karamah, Syeikh 'Abd. Al-Qadir al-Mandili, akidah al-Mandili, konsep wali

Sainthood, karamah, al-Mandili

Copyright © 2017 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

---

## 1. Pengenalan

Tidak dinafikan, sememangnya wali-wali Allah adalah mereka yang memperoleh kedudukan istimewa di sisi Allah. Keutamaan mereka disebut dalam nas-nas al-Quran dan hadith. Bahkan al-Quran dan hadith turut menyatakan mengasihi para wali atau orang-orang yang salih adalah bukti keimanan. Pun begitu, kejahilan sebahagian umat Islam tentang kewalian telah mendedahkan mereka kepada pemujaan dan penghormatan yang keterlaluan kepada para wali Allah. Kejahilan ini semakin membarah apabila ianya bersandarkan pendalilan yang batil baik dari segi akal dan naqal.

Dari satu sisi lainnya, sikap al-ghuluw atau melampau dalam menyanjung orang-orang yang salih ini merupakan antara faktor tersebarnya hadith-hadith palsu dalam kalangan umat Islam dulu dan kini. Kisah keramat para wali yang digembar-gemburkan akhirnya menebal menjadi kepercayaan turun-temurun dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh ialah kubur Habib Noh yang terdapat di Singapura. Sehingga kini, kubur ini masih terus dikunjungi oleh ramai orang untuk membayar atau membuat nazar dan niat. Hal ini kerana mereka percaya bahawa kubur keramat ini boleh memenuhi hajat mereka [1].

Sejak zaman Nabi Nuh a.s, manusia telah mula mendewakan wali-wali Allah hingga ke tahap menyamakan mereka dengan Allah. Bagi sesetengah masyarakat, wali dianggap lebih mulia daripada rasul. Malah, wali dikatakan tidak lagi terikat dengan syariat Allah. Mereka bebas daripada sebarang tanggungjawab peribadatan hatta bermaksiat terhadap Allah [2]. Dakwaan ini bukan sahaja sangat menyimpang daripada pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah bahkan Muhammad bin Abdul Wahab menegaskan, sesiapa yang beriktiad terdapat dalam kalangan manusia yang bebas daripada syariat Allah maka dia digolongkan sebagai kafir [3].

Pelbagai maqam dan gelar kewalian masyhur dalam kalangan sebahagian masyarakat hasil daripada penyimpangan beberapa ajaran kesufian. Sebahagian sufi membahagikan kewalian kepada 4 maqam iaitu maqam khalifah Kenabian, maqam khalifah Risalah, maqam khalifah Ulil Azmi dan maqam khalifah Ulil al-Istifa'. Pelbagai gelaran diberikan kepada para wali seperti wali bertaraf Nuqaba', wali Nujaba', wali Abdal, wali al-Rajabiyyun, wali al-Akhyar, wali al-Awtad, wali al-Hawariyyun dan wali Qutub atau al-Ghawth. Malangnya, semua pembahagian dan gelaran ini tidak bersandarkan dalil yang sahih [4]. Pembahagian tingkat kewalian ini tanpa disangkal lagi telah membuka ruang yang luas kepada sesetengah tarikat sufi yang menyeleweng untuk melariskan akidah dan kepercayaan mereka tentang keharusan memohon pertolongan daripada ahli-ahli kubur dalam kalangan para wali [5].

Bertitik tolak daripada pembahagian dan gelaran tertentu para wali, mereka dipercayai memiliki kemampuan luar biasa yang tidak sepatutnya dimiliki lainnya oleh Allah s.w.t. sahaja. Mereka

berkemampuan menganugerah dan menghalang rezeki seseorang. Mereka juga berkuasa menurunkan dan menahan hujan. Dibukakan hijab pada mereka hinggakan mereka mengetahui segala rahsia dan perkara ghaib. Dikasyafkan pada mereka sifat-sifat para makhluk. Mereka adalah golongan yang hidup di alam zahir dan alam batin [2]. Sedari itu, bukan sesuatu yang menghairankan sekiranya seseorang wali disifatkan dengan kegilaan seperti bercakap seorang diri. Bagi masyarakat awam, para wali di ketika itu sedang berkomunikasi dengan makhluk alam ghaib. Begitu juga usah dihirau pada rupa dan penampilan para wali yang tidak terurus kerana yang demikian itu hanyalah rupa luaran sedang jiwanya suci di sisi Allah.

Berdasarkan kemuliaan dan kelebihan yang telah disebutkan, sesetengah masyarakat menganggap wali adalah maksum. Malah, kemaksuman adalah syarat mendapatkan kewalian menurut sebahagian sufi. Lantaran itu, sebahagian masyarakat menjadikan setiap kata-kata, perbuatan dan ajaran gurunya sama nilai malah lebih tinggi nilainya daripada ajaran Rasulullah s.a.w. Sunnah syeikh lebih utama daripada mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. Sebagai contoh, mereka lebih mengutamakan zikir-zikir tertentu daripada syeikh daripada mengikut tatacara peribadatan Rasulullah s.a.w. Fenomena ini telah menarik perhatian 'Abd. al-Qadir al-Mandili, seorang ulama Nusantara yang terpanggil untuk memurnikan pemahaman orang Melayu berkenaan wali berpandukan akidah yang sahih.

Makalah ini dibahagikan kepada enam subtopik dimulai dengan pengenalan kepada tajuk perbincangan. Seterusnya disusuli dengan subtopik kedua yang membahaskan tentang bahaya mitos dan kesannya pada umat. Subtopik ketiga merungkai persoalan siapakah wali Allah menurut neraca akidah Islam. Subtopik keempat mengupas latar belakang 'Abd. al-Qadir al-Mandili. Selanjutnya subtopik kelima menghuraikan perspektif al-Mandili tentang wali Allah. Subtopik terakhir adalah kesimpulan kepada kajian yang dilakukan. Makalah ini diakhiri dengan bibliografi.

## 2. Mitos; Bahaya dan Kesannya Kepada Manusia

Mitos ditakrifkan sebagai cerita zaman dahulu yang dianggap benar, terutamanya yang mengandungi unsur-unsur konsep atau kepercayaan tentang sejarah awal kewujudan sesuatu suku bangsa, kejadian-kejadian alam dan sebagainya. Mitos juga bermaksud cerita tentang seseorang atau sesuatu yang tidak benar atau direka-reka atau ringkasnya disebut dongeng [6].

Perkhabaran tentang konsep wali, siapakah yang dimaksudkan dengan wali Allah, ciri-ciri dan sifatnya serta segala perkara berkait dengan kewalian adalah sabit berdasarkan wahyu Ilahi. Setiap perkara yang perlu diketahui tentang kewalian dapat dirujuk berdasarkan al-Quran mahupun hadith. Pun begitu, masih banyak tersebar penyimpangan dan salah faham dalam kalangan umat Islam tentang hal ini.

Apabila sesuatu berita itu diterima tanpa dipastikan terlebih dahulu kesahihannya, tidak ada fitnah yang lebih besar akan berlaku melainkan umat itu akan semakin menjauh daripada ajaran agamanya sendiri. Ibnul Jauzi menjelaskan bahawa Iblis mampu menguasai manusia berdasarkan kadar ilmu manusia itu sendiri. Semakin menipis ilmu di dada seseorang, maka semakin mudah Iblis menguasai dirinya. Sebaliknya, jika semakin bertambah ilmu seseorang, maka semakin kecil peluang Iblis menguasai manusia tersebut [7]. Lantaran itu, sikap menerima tanpa usul periksa hanya akan memudahkan tipu daya Iblis ke atas umat manusia.

Selain itu, kepercayaan batil terhadap wali hanya mengakibatkan kebodohan dan kemunduran umat Islam. Ulama Ahl al-Sunnah meyakini kemuliaan para wali Allah. Mereka juga meyakini karamah yang dikurniakan Allah kepada sebahagian wali-Nya. Namun, hal ini tidak bermaksud menerima secara bulat segala perkara berkaitan kewalian. Jika ianya selari dengan nas syara' maka ianya dapat diterima. Jika tidak, perkhabaran tersebut wajib ditolak kerana bersalahan dengan wahyu Ilahi.

Menurut Muhamad Rozaimi, Islam mengharamkan perkara-perkara yang membodohkan akal seperti amalan tenung nasib. Menurutnya, tukang tilik yang menenung nasib orang lain, walhal dia sendiri tidak mengetahui akan nasibnya [8].

Selanjutnya, kisah-kisah mitos tentang kewalian dan keramat telah banyak menyuburkan amalan-amalan khurafat dalam kalangan sebahagian umat Islam. Hal ini menjadikan sebilangan mereka malas berusaha dan bergantung harap pada sesuatu yang tidak berkuasa mendatangkan manfaat dan mudarat. Antara amalan khurafat yang berlaku dalam masyarakat awam di Malaysia ialah amalan memuja orang yang dianggap keramat atau kubur keramat. Bagi mereka, keramat orang yang telah mati mampu memberi manfaat untuk kehidupan di dunia. Inilah antara faktor yang menyebabkan masyarakat Melayu tidak maju sama ada dalam agama dan dunia. Mereka sering kali ditipu dengan amalan yang bukan daripada petunjuk Rasulullah s.a.w. [9].

### 3. Wali Allah Mengikut Akidah Islam

Dari segi bahasa, wali bermaksud dekat, hampir dan hujan selepas daripada hujan [10]. Ia juga bermaksud orang yang mengasihi, orang yang benar dan orang yang sangat suka menolong. Ibn Abi al-'Izzi mengatakan perkataan wali adalah lawan bagi permusuhan [11].

Dari segi syara', takrifan wali tidak dapat lari dari maksud firman Allah pada surah Yunus ayat 63 bermaksud "(Wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa". Menurut Ibn Kathir, melalui ayat ini, Allah mentafsirkan para wali sebagai orang beriman dan bertaqwa [19]. Maka setiap yang bertaqwa adalah wali-wali Allah. Al-Tahawi turut menyebutkan orang-orang yang beriman sebagai wali. Ibn Abi al-'Izz memperincikan takrifan wali sebagai orang yang mengasihi Allah dengan melakukan semua perkara yang dikasihi-Nya dan menghampirkan diri kepada-Nya dengan melakukan perkara yang direndai-Nya [11]. Dengan itu, dapat difahami ciri kewalian itu bertitik tolak daripada iman dan taqwa. Kewalian Allah hanya diperoleh menerusi keimanan dan ketaqwaan kepada Allah dengan melakukan perkara-perkara yang dicintai-Nya dan meninggalkan larangan-larangan-Nya [12].

Perkataan wali dan pecahannya disebut sebanyak 90 kali dalam al-Quran. 54 tempat merujuk kepada wali Allah dan 36 tempat merujuk kepada wali syaitan. Al-Quran membahagikan kewalian atau walayah kepada lima. Dua daripadanya berkait wali Allah manakala selebihnya berkait wali syaitan. Walayah U'zma (walayah teragung) dan Walayah Nabi Muhammad s.a.w. adalah dua kategori walayah kepada wali-wali Allah [4]. Walayah U'zma bermaksud perlindungan dan pertolongan Allah kepada orang-orang yang beriman sepertimana dinyatakan pada surah al-Baqarah ayat 257 manakala Walayah Nabi Muhammad s.a.w. bermaksud perlindungan dan pertolongan Rasulullah s.a.w. kepada orang-orang beriman. Hal ini dinyatakan pada surah al-Ahzab ayat 33. Inilah dua walayah yang menjanjikan perlindungan dan pertolongan yang benar. Adapun walayah kepada wali-wali syaitan hanyalah kedustaan dan kehinaan. Walayah ini terdiri daripada walayah orang kafir iaitu haram menjadikan orang kafir sebagai penolong. Larangan ini telah disebut dalam banyak ayat antaranya Ali Imran ayat 28. Seterusnya walayah (pertolongan) orang zalim terhadap orang zalim disebut pada surah al-Jathiyah ayat 19 dan walayah syaitan dan taghut terhadap orang zalim. Perkara ini dinyatakan pada surah al-Baqarah ayat 257.

Terdapat beberapa syarat untuk mendapat kewalian Allah. Syarat utama ialah seseorang itu mestilah beriman dan bertaqwa. Wali Allah adalah mereka yang beriman dengan rukun iman yang enam iaitu beriman dengan Allah, hari Akhirat, para malaikat, kitab-kitab, para rasul dan juga qadar yang baik dan buruk. Mereka juga sentiasa mengikut al-Kitab dan al-Sunnah kerana hanya inilah jalan yang membawa kepada kebenaran. Baligh dan berakal turut disyaratkan bagi mendapatkan kewalian [12].

Sehubungan dengan itu, dapat dinyatakan tanda kewalian seseorang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan penampilan atau perwatakan zahirnya. Wali Allah tidak boleh dikenal hanya dengan model pakaian berjubah atau berserban. Dakwaan kewalian juga tidak diberikan kepada mereka yang pandai menjampi atau makbul doanya. Lebih jauh dari itu, kewalian pasti tidak berlaku ke atas mereka yang menyalahi ajaran Allah dan Rasul-Nya dengan melakukan bid'ah dan perbuatan khurafat.

Wali Allah mempunyai keutamaan berbeza-beza menurut kadar iman masing-masing. Kewalian para rasul lebih utama daripada kewalian para nabi. Dalam kalangan para rasul, rasul-rasul bergelar Ulul 'Azmi mencapai kedudukan yang lebih istimewa. Dalam kalangan para rasul Ulul 'Azmi, keutamaan tertinggi adalah pada Rasulullah s.a.w. Adapun dalam kalangan umat Muhammad s.a.w., tingkat kewalian yang utama adalah Abu Bakar, diikuti Umar al-Khatthab, Uthman bin al-Affan, Ali bin Abi Talib dan seterusnya mengikut tingkatan para sahabat dan orang beriman lainnya [4].

Al-Hakami dalam Ma'arij al-Qabul membahagikan wali Allah atau orang yang beriman kepada tiga kategori. Peringkat utama disebut al-Sabiqun bi al-Khayrat atau al-muqarrabin iaitu golongan yang berlumba-lumba kepada kebaikan dengan melakukan segala yang disukai Allah baik perintah wajib atau sunat. Golongan ini juga sentiasa meninggalkan larangan-larangan Allah sama ada bersifat haram atau makruh. Peringkat pertengahan disebut al-Muqtasid iaitu golongan yang hanya melaksanakan tuntutan wajib dan meninggalkan yang haram. Golongan ini tidak melakukan yang sunat dan masih terjebak dengan yang makruh. Peringkat rendah adalah al-Zhalimu li Nafsihi (menzalimi diri sendiri) iaitu golongan ahli tauhid yang bermaksiat kepada Allah. Namun kemaksiatan dan kezaliman yang dilakukan tidak menjadikan mereka terkeluar daripada Islam atau berkekalan dalam neraka. Pengkategorian ini jelas disebut pada ayat 32 surah al-Fatir [13]. Peringkat-peringkat kewalian ini juga merupakan dalil yang jelas wali tidak bersifat maksum. Hanya rasul yang bersifat maksum sedang umatnya tidak sunyi dari kesalahan.

#### 4. 'Abd. Al-Qadir Al-Mandili, Ulama Nusantara di Masjid Al-Haram

'Abd. al-Qadir al-Mandili bukanlah satu nama asing dalam institusi pengajian pondok khususnya di Kedah, Kelantan dan Patani. Anak kelahiran kampung Sigalanggang Padangsidempuan, Tapanuli Selatan, Sumatera Utara ini dilahirkan pada tahun 1910M. Tidak banyak yang dapat diperkatakan tentang riwayat hidup ulama Mandailing ini di awal usianya. Al-Mandili sempat mendapat pendidikan asas di Sekolah Rendah Belanda hingga darjah lima. Namun begitu, dek kerana sikapnya yang nakal dan sering menimbulkan masalah di kampung, al-Mandili telah dihantar ke negeri Kedah untuk mendalami pengajian agama di pondok-pondok di Kedah [13].

Al-Mandili memulakan pengajian dalam bidang agama di kala usianya empat belas tahun. Beliau berhijrah ke Kedah pada tahun 1924M dan memasuki madrasah pertamanya di Pondok Panjang Rong yang terletak di Tobiar, Pendang. Di sini al-Mandili diajar mengenal huruf dan bacaan jawi di bawah bimbingan Tuan Guru Haji Bakar. Seterusnya al-Mandili berpindah ke Pondok Air Hitam bagi mendalami kitab-kitab nahu dan tatabahasa Arab seperti al-Matn al-Ajurumiyyah, kitab Mutammimah dan Matn Alfiyah Ibn Malik. Di bawah didikan beberapa guru antaranya Tuan Haji Idris bin Lebai Yusuf dan Lebai Dukun, al-Mandili mula menguasai tatabahasa Arab. Tidak cukup sekadar itu, al-Mandili menyambung pengajiannya di Pondok Gajah Mati, Pendang dengan lebih terfokus pada ilmu-ilmu agama. Selama sepuluh tahun mengabdikan diri di pondok ini, al-Mandili sempat berguru dengan seorang ulama terkenal Kedah iaitu Haji Wan Ibrahim bin Haji Wan Abdul Qadir atau terkenal dengan panggilan Pak Chu Him Gajah Mati.

Meski hidup dalam kesempitan dan terpaksa berdikari mencari rezeki, al-Mandili tidak pernah menjadikannya sebagai satu alasan untuk gagal dalam pelajaran. Malah kesungguhan dan

kecerdasan akalnya dalam menuntut ilmu terbukti apabila dalam tempoh enam tahun sahaja, bermula dari peringkat asas mengenal huruf, al-Mandili telah diberi amanah untuk mengajar semua ilmu pengajian pondok [14]. Walau bermula di usia agak lewat, di kala usianya empat belas tahun, al-Mandili mampu menguasai pelajarannya dengan cepat. Oleh kerana itu, dalam usianya 20-an, beliau mula diberi kepercayaan untuk mengajar semua bidang ilmu pengajian pondok.

Pada tahun 1936M, al-Mandili meninggalkan pondok Gajah Mati untuk menyambung pengajiannya di Mekah [15]. Ini merupakan peringkat terakhir perjalanan hidup al-Mandili dalam menuntut ilmu. Berbekalkan ilmu dan kefahaman agama yang diperolehnya di Tanah Melayu, al-Mandili meneruskan peranannya sebagai penuntut ilmu dengan berguru kepada beberapa ulama terkenal di Mekah. Antara guru-guru yang disebut al-Mandili adalah Wan Ismail bin Wan 'Abd. al-Qadir atau masyhur dengan panggilan Pak Da Ail Patani yang merupakan abang kepada Pak Chu Him. Selain Pak Da Ail, al-Mandili turut berguru kepada Syeikh Ali al-Maliki, Syeikh Hasan Muhammad al-Mashat, Syeikh Muhammad al-'Arabi bin al-Tabani bin al-Hussein al-Wahidi al-Maghribi, Syeikh Sayid al-'Alawi bin Abbas al-Maliki dan Syeikh Muhammad Ahyad.

Di Tanah Suci ini, sekali lagi Allah mengangkat darjat al-Mandili sebagaimana yang pernah diperolehnya di Tanah Melayu. Dengan kealiman dan ketaqwaan beliau, al-Mandili telah diberi kepercayaan untuk mengajar di Masjidil Haram, satu kedudukan yang sememangnya tidak diberikan kepada sembarang orang. Hal ini sekaligus membuktikan keilmuan dan kewarakan beliau yang diakui bukan saja oleh ulama Nusantara, malah oleh para ulama dunia di al-Haramayn. Kelas pengajian al-Mandili sangat popular di Masjidil Haram dan menjadi tumpuan pelajar-pelajar dari Malaysia, Indonesia dan Thailand. Dianggarkan lebih daripada lima ratus orang murid yang belajar dengannya setiap kali sesi pengajian [14].

Sepanjang penglibatan al-Mandili dalam dunia pengajian Islam dan dakwah, beliau bukan sekadar aktif menjalankan kelas-kelas pengajian agama tetapi beliau amat komited menghasilkan pelbagai karya. Sejumlah dua puluh empat karya telah dihasilkan dalam bidang usuluddin, fiqh, politik, hadis, pendidikan, perundangan dan akhlak. Selain karya aslinya yang menggunakan bahasa Melayu tulisan jawi, terdapat enam karya terjemahan al-Mandili dan dua karya berbahasa Arab. Sejumlah tiga karya dihasilkan al-Mandili dalam bidang usuluddin iaitu Perisai bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf (terjemahan), Iktikad Orang Yang Percaya Akan Quran Dengan Turunnya Isa a.s Pada Akhir Zaman (terjemahan) dan Risalah Penolak Qadyani. Sementara itu dalam bidang politik, al-Mandili telah mengarang dua kitab iaitu Islam Agama Dan Kedaulatan dan Pendirian Agama Islam (terjemahan). Demikian juga dalam bidang hadis, hanya terdapat dua karya yang dihasilkan al-Mandili iaitulah Hadiah Bagi Pembaca Muslim dan Tuhfat al-Qari al-Muslim al-Mukhtar Mimma Ittifaq 'Alayhi al-Bukhari Wa Muslim (berbahasa Arab). Selain itu, hanya sebuah karya dihasilkan al-Mandili dalam disiplin perundangan Islam iaitu Kebagusan Undang-undang Islam Dan Kecelaan Undang-undang Manusia. Manakala dalam kategori akhlak, hanya sebuah karya yang dihasilkan iaitu Penawar Bagi Hati. Demikian juga hanya satu karyanya dalam bidang pendidikan iaitu Menakutkan Dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang Islam Akan Anak Mereka Itu Ke Dalam Sekolah Orang Kafir (terjemahan).

Dibandingkan dengan disiplin ilmu lainnya, karya terbanyak yang dihasilkan al-Mandili adalah dalam bidang fiqh iaitu sebanyak empat belas karya. Karya-karya tersebut adalah Senjata Tok Haji Dan Tok Lebai, Persediaan Tuan Khatib, Pembantu Bagi Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran Dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati, al-Khazain al-Saniyyah Min Mashahir al-Kutub al-Fiqhiyyah Li A'immatina al-Fuqaha al-Shafi'iyyah (berbahasa Arab), al-Asad al-Mu'ar Li Qatl al-Tais al-Musta'ar, Pemberian Yang Bagus Lagi Indah Atau Hukum Ihram Dari Jeddah, Petunjuk Bagi Umat, Bekal Orang Yang Menunaikan Haji, Risalah Pada Menerangkan Makna Sabillullah Yang Mustaqiq Akan Zakat, Sinar Matahari Buat Penyuluhan Kesilapan Abu Bakar al-Ashari, al-Mazhab Atau

Tiada Haram Bermazhab, Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah Atau Beberapa Masalah Yang Penting Lagi Mudah, Siasah Dan Loteri Serta Alim Ulama dan Anak Kunci Syurga [15].

Menerusi karya-karya yang terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu ini, Al-Mandili dilihat telah memberi satu sumbangan yang amat besar dalam peradaban ilmu Islam di Alam Melayu, merentas jurang masa dan tempat sebagai seorang ulama yang terbuka kepada perbezaan pendapat namun tegas dan amanah di atas kebenaran. Hingga ke hari ini, kitab-kitab beliau masih dijadikan rujukan khususnya di pondok-pondok pengajian di Kedah, Kelantan dan Patani.

## 5. Wali Allah Menurut Al-Mandili

Bagi menganalisis perspektif al-Mandili tentang wali Allah, tiga karya akidahnya dijadikan sandaran oleh artikel ini. Tiga karya tersebut ialah Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf, Penawar Bagi Hati dan Anak Kunci Syurga. Selepas ini, judul kitab-kitab tersebut akan diringkaskan kepada Perisai, Penawar dan Anak Kunci sahaja. Pemilihan kitab-kitab tersebut selain mempunyai kaitan dengan akidah, turut merupakan karya popular al-Mandili dalam kalangan penuntut ilmu. Selain diulang cetak dalam bentuk tulisan asalnya iaitu bertulisan jawi, kitab-kitab ini juga telah ditransliterasi ke dalam tulisan rumi. Setakat ini, sekurang-kurangnya terdapat beberapa penerbitan yang telah menerbitkan kitab-kitab ini dalam tulisan rumi iaitu Jahabersa, al-Hidayah dan PTS Publishing.

Mentakrifkan siapakah yang dimaksudkan wali, Al-Mandili dalam Perisai menjelaskan: "Bermula wali itu orang yang mengenal akan Allah Ta'ala dan sifatnya sekadar yang biasa, yang mengekalkan ia akan taat dan menjauhkan ia akan maksiat" [16].

Melalui pernyataan ini, al-Mandili menafikan dakwaan sesetengah golongan sufi yang menganggap wali berbeza daripada manusia biasa. Beliau menegaskan wali hanya manusia biasa tanpa dimestikan memiliki kemampuan luar biasa. Bezanya hanyalah mereka adalah orang yang mengenal Allah. Mereka sentiasa berusaha mentaati Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Mereka adalah golongan yang mencintai Allah. Oleh kerana itu, dengan merujuk kepada firman Allah pada surah Yunus ayat 62 dan 63 serta surah al-Baqarah ayat 257, al-Mandili dalam Anak Kunci menterjemahkan dan mensyarahkan maksud wali sebagai kekasih sepertimana kata-katanya: "Dan bahawa sekalian yang beriman itu kekasih bagi Allah Ta'ala seperti Allah Ta'ala itu kekasih bagi mereka itu" [17].

Beliau menyifatkan orang-orang yang beriman sebagai kekasih Allah dan Allah adalah kekasih orang-orang yang beriman.

Menghuraikan bentuk kasih yang terjalin antara orang beriman dengan Allah, al-Mandili menjelaskan wujudnya perasaan kasih dalam jiwa manusia terhadap Allah adalah sesuatu yang dipuji syara' dan tinggi darjatnya. Pernyataan ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 165:

"....dan bermula mereka yang beriman mereka itu lebih bersangatan kasih akan Allah Ta'ala".

Maksud kasih di sini merujuk kepada kecenderungan hati kepada sesuatu yang disukai. Ianya berlawanan dengan maksud benci iaitu liar hatinya daripada sesuatu [18]. Kerana itu juga, al-Mandili dalam Perisai menyatakan:

"Dan bermula (wali) itu lawan bagi seteru" [16].

Kasih orang beriman kepada Allah dan rasul-Nya adalah satu kefarduan dan merupakan syarat terbentuknya iman. Ianya adalah cinta mutlak yang teragung. Apa saja cinta yang terbentuk dalam jiwa orang beriman adalah bertitik tolak daripada kecintaan kepada Allah. Al-Mandili memperihalkan keagungan cinta ini sebagaimana kata-katanya:

“Dan ketahui olehmu bahwasanya orang yang mengenal Allah Ta’ala tiada kasih ia melainkan akan Allah Ta’ala, maka jika kasih ia akan yang lainnya maka dengan sebab kasihnya akan Allah Ta’ala, kerana terkadang kasih oleh orang yang kasih akan anak bagi kekasihnya dan keluarga kekasihnya dan hamba bagi kekasihnya dan segala yang terbangsa kepada kekasihnya” [18].

Terdapat pelbagai bentuk atau tanda seseorang itu kasih akan Allah, antaranya ialah dia mendahulukan apa yang diperintah Allah daripada apa yang disukai nafsunya, rindu untuk menemui Allah, reda akan qada’ Allah Ta’ala dan benci akan dunia kerana melalaikannya daripada menyebut Allah yang dikasihinya [18].

Selanjutnya, al-Mandili menghuraikan bentuk kasih Allah kepada hamba-hamba-Nya. Kasih Allah kepada hamba-hamba-Nya adalah setengah daripada rahmat-Nya. Jika berkasih sesama makhluk adalah satu keperluan hidup, namun bagi Allah, Dia tidak memerlukan kasih hamba-Nya bahkan hamba-hamba-Nya yang memerlukan kasih daripada-Nya. Al-Mandili berdalilkan firman Allah dalam surah Al-Isra’ ayat 111:

Maksudnya: Dan tiada ada baginya kekasih kerana kehinaan.

Manusia berhajat kepada cinta Allah sedang Allah tidak berhajat kepada cinta makhluk [16]. Menyentuh tentang tingkat dan keutamaan wali, al-Mandili menunjukkan satu prinsip yang sangat mudah difahami. Sesiapa jua yang lebih ketaatannya pada Allah dan lebih mengikut al-Quran, dialah yang lebih mulia di sisi Allah. Perbezaan tingkatan para wali hanya berdasarkan perbezaan dari segi ketaqwaan mereka kepada Allah. Berkata al-Mandili:

“...bahwasanya mukmin yang lebih mulia iaitu mukmin yang lebih taat akan Allah Taala dan yang lebih mengikut akan Quran, dan ialah yang lebih takut akan Allah Taala”.

Beliau menyebutkan firman Allah pada surah al-Hujurat ayat 13:

Maksudnya: “Bahwasanya yang lebih mulia kamu di sisi Allah Taala yang lebih takut kamu akan Dia” [16].

Huraian al-Mandili ini jelas menolak dakwaan batil yang menyifatkan wali itu tidak lagi tertakluk kepada hukum syara’. Malah sangat melampau dan jahil apabila didakwa seseorang wali itu bebas bermaksiat kepada Allah.

Sebagai satu pencerahan kepada umum, al-Mandili menjelaskan setinggi mana kemuliaan dan kedudukan wali pasti tidak akan dapat menandingi nabi. Kenyataan ini merupakan penafian terhadap dakwaan segolongan Sufi al-Falsafi yang mendakwa wali lebih utama daripada nabi. Beliau menegaskan:

“....dan menunjukkan oleh pengarang rahimahullahu Taala dengan ini perkataan kepada menolak atas ijtihadiyyah dan sekalian yang jahil daripada yang mengaku dirinya ahli tasawuf, yang berkata mereka itu bahwasanya wali lebih afdal daripada nabi...” [16].

Bagi menguatkan lagi hujah perbezaan darjah antara para wali dan anbiya’, al-Mandili menyatakan sekalian ulama yang tetap di atas jalan kebenaran sentiasa berpesan agar mengikut hukum syara’. Setiap mukallaf walau ia seorang raja, wali atau marhaen, wajib mengikut ajaran pesuruh Allah. Hal ini disebut oleh al-Mandili:

“Bersalah yang ulama dan ahli istiqamah daripada mereka itu, maka bahwasanya mereka itu berpesan dan mengikut ilmu dan mengikut hukum syara’, maka sungguhnya telah mewajibkan Allah Subhanahu wa Taala atas sekalian mukallaf semuanya akan mengikut pesuruh Allah Taala, kerana firman Allah Taala pada surah al-Nisa’ ayat 64 menyatakan:

Maksudnya: Dan tiada mengutus oleh Kami akan pesuruh melainkan supaya ditaati akan dia pada barang yang menyuruh ia dengan dia dan barang yang menghukum ia dengan dia dengan perintah daripada Allah Taala [16].

Walau apa jua tingkatan seorang manusia, tetaplah ia umat daripada seorang pesuruh Allah. Oleh kerana itu, haram bagi mukallaf menderhakai ajaran Rasulullah s.a.w. Al-Mandili menyebutkan:

“...bukan supaya diderhakai akan dia dan disalahi akan hukumnya, dan firman-Nya pada surah Ali Imran ayat 31:

Maksudnya: Berkata olehmu hai Rasulullah: Jika ada kamu kasih akan Allah Taala maka ikut oleh kamu akan daku, nescaya kasih akan kamu oleh Allah Taala, dan mengampuni ia bagi kamu akan segala dosa kamu, dan Allah Taala sangat mengampuni dosa hamba-Nya lagi sangat kasih sayang [16]. Justeru dapat disimpulkan, seseorang yang menyalahi al-Quran dan al-Sunnah sudah pasti tidak tergolong dalam kalangan wali Allah.

Al-Mandili sangat menekankan tercapainya taraf kewalian hanyalah dengan mengikut ajaran Rasulullah s.a.w. Walau semulia mana wali Allah, wajib ia mentaati dan mengikut ajaran rasul. Para wali hanyalah pengikut setia seorang rasul yang sentiasa istiqamah dalam ketaatan pada ajaran Rasulullah s.a.w. Sesungguhnya ketaatan kepada Allah dan keberhasilan mendapat kasih sayang Allah hanya akan tercapai dengan mengikut sunnah rasul-Nya. Adapun mereka yang menyimpang daripada ajaran rasul, sama ada kerana berpaling atau merasakan pandangannya lebih utama, maka ia telah menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan. Bahkan dia tergolong dalam golongan orang yang takbur, iaitu menolak kebenaran. Ini sepertimana disebut oleh al-Mandili:

“Dan berkata Abu Usman al-Naisaburi rahimahullahu Taala: Barangsiapa menjadikan ia akan sunnah nabi s.a.w. itu memerintah atas dirinya nescaya bertutur ia dengan ilmu yang memberi manfaat, dan barangsiapa menjadikan ia akan hawa nafsu memerintah atas dirinya nescaya bertutur ia dengan bid’ah dan berkata setengah mereka itu: Tiada meninggalkan setengah mereka itu akan sunnah Nabi s.a.w. melainkan kerana takbur di dalam hati mereka itu” [16]. Al-Mandili selanjutnya mengemukakan firman Allah dalam surah Al-An’am ayat 124:

Maksudnya: “Tiada beriman kami melainkan diberikan akan kami seumpama barang yang diberikan akan sekalian pesuruh Allah Taala. Allah Taala jua yang mengetahui akan mereka yang patut dijadikan dia pesuruh Allah Taala”.

Tidak akan bermanfaat banyaknya ibadah tanpa mengikut ajaran rasul, dan umat pastinya tidak akan dapat menandingi rasul sama ada dari segi ilmu, amalan atau kedudukan. Kebatilan pandangan-pandangan ini telah dijelaskan oleh al-Mandili:

“Dan banyak daripada mereka itu menyangka bahawasanya dengan sebab bersungguhnya pada ibadat sampai ia kepada barang yang sampai kepadanya sekalian nabi, daripada ketiadaan mengikut jalan mereka itu, dan setengah daripada mereka itu mereka yang menyangka ia akan bahawasanya dirinya telah jadi ia lebih afdal daripada sekalian nabi, dan setengah daripada mereka itu mereka yang berkata ia bahawasanya sekalian nabi dan rasul hanyasanya mengambil mereka itu akan pengetahuan daripada kesudahan sekalian wali, dan mendakwa ia bagi dirinya akan bahawasanya ia kesudahan sekalian wali, dan adalah itu pengetahuan pada hakikatnya seperti perkataan Fir'aun yang mengaku dengan bahawasanya ia Tuhan yang lebih tinggi, tetapi Fir'aun lebih mengenal akan Allah Taala daripada mereka itu, kerana ia mengaku ada yang menjadikan dan mereka itu berkata ada makhluk ialah ada yang menjadikan, dan berkata mereka itu walayah lebih besar daripada nubuwah dan perkataan mereka itu nyata batilnya” [16].

## 5. Kesimpulan

Menurut al-Mandili, wali ialah manusia biasa yang mengenal Allah dan mencintai-Nya. Mereka berkewajipan mentaati Allah dengan mengikut ajaran rasul-Nya. Hanya dengan demikian menurut al-Mandili, kewalian atau kasih sayang Allah akan diperoleh. Kerana itu, al-Mandili menyifatkan orang beriman adalah kekasih Allah dan Allah adalah kekasih orang beriman. Antara tanda kecintaan hamba

kepada Allah ialah apabila dia mendahulukan apa yang dikasihinya Allah daripada apa yang disukai nafsunya. Wali tidak maksum. Mereka juga tidak dimestikan memiliki kelebihan luar biasa. Wali mempunyai tingkatan. Sebaik-baik wali ialah yang lebih taqwanya kepada Allah. Namun begitu tegas al-Mandili, maqam wali sama sekali tidak akan dapat mengatasi maqam para nabi dan rasul sebagaimana dakwaan sesetengah golongan sufi. Walau banyaknya ibadah wali, tidak mungkin ia akan menyamai kedudukan anbiya' wa al-mursalin.

### Rujukan

- [1] Moain, Amat Juhari. "Kepercayaan orang Melayu berhubung dengan pertanian." (1990).
- [2] Al-Qaradhawi, Yusuf. "Fusul fi Al-Aqidah baina As-Salaf wa Al-Khalaf." Terj. Arif Munanda Riswonto. Indonesia: Pustaka al-Kauthar, 2006.
- [3] Al-Fauzan, Salih bin Fauzan. Durus Fi Syarh Nawaqid al-Iman. Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2008.
- [4] Dimasyqiyah, Abdul Rahman Mohammed Saeed. Wali Allah Antara Kefahaman Ahli Sunnah Dengan Ahli Sufi. Diterjemah oleh Basri Ibrahim, Ahmad Zaid Ismail, Abdul Wahid Salleh (al-Hidayah House of Publishers, 2015), 122-124, 13-14, 41-43
- [5] Basri Ibrahim dan rakan-rakan. Beberapa kepercayaan & Amalan Kontroversi Dalam Masyarakat Islam. Batu Caves: al-Hidayah House of Publishers, 2013.
- [6] Noresah Baharom, Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2013.
- [7] Ibnu'l Jauzi, Abdul Rahman bin Ali. al-Muntaqa al-Nafis Min Talbis Iblis (Edisi terjemahan dengan judul Talbis Iblis oleh Umar Mujtahid). Jakarta: Pustaka Imam Asy Syafi', 2015.
- [8] Muhamad Rozaimi Ramle. Allah Melarang Membodohkan Akal. Kemilau Publik, 2016.
- [9] Jawiah Dakir & Wan Awang Wan Ali. Sunnah Dan Bidaah Dalam Amalan Orang Melayu. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2015.
- [10] Al-Fairuz Abadi, Muhammad bin Ya'qub. al-Qamus al-Muhit. (Beirut: Dar al-Fikr 1999), 1209.
- [11] Ibn Abil Izzi, Muhammad bin 'Ala' al-Din. Syarh al-Akidah al-Tahawiyah. Diselenggara oleh sekumpulan ulama, takhrij hadith oleh Muhammad Nasiruddin al-Albani. (Beirut: al-Maktab al-Islami, 2005), 358, 360.
- [12] Ibn Taimiyyah, Ahmad bin Abdul Halim. Al-Furqan Baina Awliya' al-Rahman wa Awliya' al-Syaitan. Diselenggara oleh 'Abd. al-Qadir al-Arnauth. (Maktabah Dar al-Bayan, 1985), 10, 47.
- [13] al-Hakami, Hafiz bin Ahmad. Ma'arij al-Qabul bi Syarh Sullam al-Wusul ila 'Ilm al-Usul (fi al-Tauhid). (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2015), 735.
- [14] Asyraf bin Abd Ghani@Mohd Azmi. Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Muttalib al-Mandili: Sumbangan Dalam Ilmu Tauhid, Fiqah Dan Tasawuf. (Tesis Sarjana Pusat Pengajian Umum Universiti Utara Malaysia, 2013), 26, 35.
- [15] Ramli Awang. Syeikh Abdul Qadir al-Mandili (1910-1965) Biografi & Pendidikan Akhlak. (Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 7-8, 17, 29-39.
- [16] Al-Mandili, 'Abd. al-Qadir bin 'Abd. al-Mutalib. Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf. (al-Hidayah Publications, 2012b), 348,216,217,218,348,349,349,350-351.
- [17] Al-Mandili, 'Abd. al-Qadir bin 'Abd. al-Mutalib. Anak Kunci Syurga. (Al-Hidayah Publications, 2013).
- [18] Al-Mandili, 'Abd. al-Qadir bin 'Abd. Al-Mutalib Penawar Bagi Hati. (Perniagaan Jahabersa, 2012b), 149-150.
- [19] Ibn Kathir, Ismail bin Umar. Tafsir al-Quran al-'Azim. Jilid 4. Diselenggara oleh Sayyid Muhammad Sayyid dan lain-lain. (Kaherah: Dar al-Hadith, 2005), 292.